

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL KEMPEN PB GOLDEN FORTUNE

Kempen PB Golden Fortune (“Kempen ini”) dilancarkan oleh Public Bank Berhad [6463-H] (“PBB”). Terma dan Syarat yang berikut mengawal Kempen ini yang ditawarkan kepada Peserta yang Layak, seperti yang ditakrifkan selepas ini:-

1. Butir-butir Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 Januari 2019 hingga 31 Mac 2019**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”). PBB berhak untuk menukar tempoh dan/atau tarikh permulaan dan/atau tarikh berakhirnya Tempoh Kempen ini.
- 1.2 Kempen ini dijalankan di semua cawangan PBB di Malaysia.

2. Kelayakan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan PBB baharu dan sedia ada (“Peserta yang Layak”).
- 2.2 Kempen ini terbuka kepada individu berumur 18 tahun dan ke atas sewaktu penyertaan (pemegang akaun peribadi atau bersama, termasuk akaun bagi pihak).
- 2.3 Peserta yang Layak bagi akaun bersama/akaun bagi pihak dikenal pasti seperti yang berikut:-
 - a) Untuk akaun bersama, Peserta yang Layak adalah pemegang akaun utama dan beliau akan dianggap sebagai seorang pemegang akaun. “Pemegang akaun utama” ditakrifkan sebagai pemegang akaun yang namanya pertama tercatat sebagai pemegang akaun dalam rekod PBB, mengikut keadaan.
 - b) Bagi akaun bagi pihak, Peserta yang Layak adalah nama ibu atau bapa/penjaga yang sah yang pertama tercatat dalam rekod bank.
 - c) Peserta yang Layak adalah pemegang akaun utama/pertama/pemilik polisi/pemilik sijil bagi kedua-dua pelaburan dalam Unit Amanah (UA) atau PB Smart Link (PBSL) atau PB ExcelLink-i (PBE-i) atau Akaun Pelaburan Emas (GIA) dan Akaun Semasa / Simpanan (CASA) secara serentak.

- 2.4 Pelanggan yang berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:-
- a) Kakitangan tetap dan/atau kontrak Kumpulan Public Bank (termasuk subsidiari dan/atau syarikat-syarikat yang berkaitan dengannya) dan ahli keluarga mereka yang terdekat (iaitu suami atau isteri, anak-anak dan ibu bapa).
 - b) Bukan individu (iaitu akaun keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan).
- 2.5 Deposit/Pelaburan yang dibuat di bawah Kempen ini tidak boleh dan dilarang untuk diuntukkan atau digunakan bagi setiap kempen yang dijalankan serentak semasa Tempoh Kempen, atau lanjutan daripadanya, termasuk tetapi tidak terhad pada Kempen Deposit Tetap PowerInvest.
- 2.6 Amaun deposit CASA untuk diuntukkan di bawah Kempen ini mestilah dana baharu. “**Dana baharu**” merujuk pada dana yang bukannya daripada dana sedia ada yang disimpan dalam mana-mana akaun deposit Peserta yang Layak dengan PBB atau Public Islamic Bank Berhad (PIBB).
- 2.7 Sumber dana baharu yang boleh diterima adalah seperti yang berikut:-
- a) Tunai yang diterima daripada sumber luar;
 - b) Prosid yang diterima daripada pendebitan suatu akaun (dengan syarat sumber dana adalah dana baharu yang didepositkan dalam akaun berkenaan);
 - c) Prosid daripada Cek Sendiri daripada pihak ke-3;
 - d) Prosid daripada Cek Tempatan; dan/atau
 - e) Prosid daripada Pindahan Telegraf (TT) / GIRO Antara Bank (IBG) / RENTAS daripada bank-bank lain.
- 2.8 Dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas dana baharu itu dipindahkan ke PBB dalam mana deposit tersebut disimpan, Peserta yang Layak mesti mengunjungi cawangan pemegang akaun untuk memaklumkan kepada cawangan itu mengenai pindahan tersebut dan membenarkan PBB untuk menguntukkan amaun deposit itu dan / atau melaksanakan peletakan berkenaan.
- 2.9 Deposit/Pelaburan yang dibuat melalui cek adalah tertakluk pada penjelasan cek dan akan hanya dianggap sebagai deposit/pelaburan oleh Peserta yang Layak selepas cek tersebut dibayar atau dijelaskan dan akan hanya dianggap laku jika tidak dipulangkan sebagai cek tak laku dan untukkan akan berkuat kuasa apabila fasal ini dipenuhi.
- 2.10 Kempen ini tidak sah dengan promosi produk-produk lain yang ditawarkan serentak oleh PBB.

3. Ciri-ciri Kempen

3.1 Produk yang Layak

- Dana Unit Amanah (UA) Siri PB, semua Dana Ekuiti/Berimbang/Aset Bercampur
- PB SmartLink (PBSL)
- PB ExcelLink-i (PBE-i)
- Akaun Pelaburan Emas (GIA)
- CASA*

Akaun Simpanan


- Akaun Simpanan PLUS
- Akaun Simpanan Basic
- Akaun Simpanan 50 PLUS
- Akaun Simpanan Basic 55
- Akaun PB SaveLink
- Akaun Simpanan PB MySalary
- Akaun Simpanan PB UnionPay

Akaun Semasa

- Akaun Semasa PLUS
- Akaun Semasa Basic
- Akaun ACE
- Akaun Premier ACE
- Akaun PB CurrentLink
- Akaun Semasa Basic 55

*Layak untuk perlindungan daripada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).

- Untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak mesti memenuhi kriteria minimum yang berikut:-



- 3.3 Hadiah terdiri daripada hadiah bersadur emas 24K edisi terhad (Hadiah) iaitu Dua Ekor Ikan Koi Bertuah dan Naga dan Burung Phoenix Emas di atas Skrol Emas.
- 3.4 Untuk Pelan PB Golden, pelanggan akan menerima satu (1) unit Dua Ekor Ikan Koi Bertuah.
- 3.5 Untuk Pelan PB Fortune, pelanggan akan menerima satu (1) unit Naga dan Burung Phoenix Emas di atas Skrol Emas.
- 3.6 Sekiranya UA dibatalkan semasa “tempoh bertenang” berkenaan, Peserta yang Layak tidak layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini dan tidak layak untuk mendapat Hadiah.

“Tempoh bertenang” ditakrifkan seperti yang berikut:-

- a) Tempoh selama enam (6) hari perniagaan mulai dari tarikh penerimaan borang permohonan dan pembayaran.
 - b) Hanya diterima pakai sekali sahaja untuk mana-mana Peserta yang Layak yang membuat pelaburan buat kali pertama dalam mana-mana UA dengan Public Mutual Berhad (PMB). Hak bertenang tidak diterima pakai bagi apa-apa pelaburan berikutnya dalam UA dengan PMB oleh Peserta yang Layak yang sama.
 - c) Bagi mereka yang menggunakan hak bertenangnya, mereka akan menerima bayaran balik sepenuhnya bagi pelaburan yang dibayar dalam tempoh sepuluh (10) hari dari penerimaan notis bertenang oleh PMB.
- 3.7 Jika PBSL dibatalkan dalam “tempoh percubaan” yang berkenaan, Peserta yang Layak tidak layak untuk menyertai Kempen ini dan tidak layak untuk mendapat Hadiah.

“Tempoh percubaan” bagi PBSL itu ditakrifkan seperti yang berikut:

- a) Peserta yang Layak mempunyai hak untuk membatalkan polisi PBSL (Polisi) dengan memberi notis bertulis dan mengembalikan polisi ini kepada AIA Bhd. AIA Bhd. akan membayar balik kepada Peserta yang Layak Nilai Dana yang ditubuhkan pada Tarikh Penilaian sebaik selepas tarikh notis itu diterima dan diluluskan oleh AIA Bhd., bersama dengan Caj Premium dan Caj Polisi yang telah ditolak, tolak sebarang perbelanjaan yang mungkin telah ditanggung bagi sebarang pemeriksaan perubatan.
- b) Notis itu hendaklah ditandatangani oleh Peserta yang Layak dan diterima secara langsung oleh AIA Bhd. dalam tempoh lima belas (15) hari selepas Peserta yang Layak menerima Polisi.

- 3.8 Jika PBE-i dibatalkan dalam “tempoh percubaan” yang berkenaan, Peserta yang Layak tidak layak untuk menyertai Kempen ini dan tidak layak untuk mendapat Hadiah.

“Tempoh percubaan” bagi PBE-i itu ditakrifkan seperti yang berikut:

Peserta yang layak mempunyai hak untuk membatalkan Sijil PBE-i (Sijil) ini dalam tempoh 15 hari tempoh percubaan selepas Peserta yang layak menerima Sijil ini dengan memberi notis bertulis dan mengembalikan Sijil ini kepada AIA PUBLIC. Untuk pembatalan Sijil dalam tempoh percubaan, AIA PUBLIC akan membayar balik kepada Peserta yang layak Nilai Akaun yang wujud pada Tarikh Penilaian sebaik selepas tarikh notis itu diterima dan diluluskan oleh AIA PUBLIC, setelah ditolak jumlah yuran Wakalah, yuran Sijil, Caj Perkhidmatan Bulanan dan Tabarru' dan dikurangkan ke atas sebarang perbelanjaan yang mungkin telah ditanggung bagi sebarang pemeriksaan perubatan.

- 3.9 Pelaburan dalam Skim Persaraan Swasta (PRS) dan pelaburan-pelaburan yang dibuat menggunakan dana daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dikecualikan daripada menyertai Kempen ini dan tidak layak untuk mendapat Hadiah.
- 3.10 Pembelian emas bagi GIA akan berdasarkan harga jualan emas semasa PBB.
- 3.11 GIA tidak diinsuranskan oleh PIDM.
- 3.12 Semua urusan niaga dalam talian bagi UA dan GIA dikecualikan daripada mengambil bahagian dalam Kempen ini dan tidak layak untuk mendapat hadiah.
- 3.13 Amaun peletakkan minimum dan keperluan untukkan yang diterima pakai bagi CASA ditetapkan dalam fasal 3.2. Amaun peletakkan minimum hendaklah menjadi kriteria minimum seperti yang ditetapkan dalam fasal 3.2 atau keperluan membuka akaun, mana yang lebih tinggi.
- 3.14 Penukaran CASA yang Tidak Layak kepada CASA yang Layak semasa Tempoh Kempen tidak melayakkan penyertaan dalam Kempen.
- 3.15 Apa-apa CASA yang dirangkaikan kepada kemudahan kredit / pinjaman/ pembiayaan tidak layak untuk penyertaan dalam Kempen ini.
- 3.16 Peserta yang Layak mesti memenuhi keperluan pelan yang ditetapkan dalam cawangan PBB yang sama pada hari yang sama.
- 3.17 Peserta yang Layak dibenarkan untuk mengambil satu atau beberapa pelan seperti yang dinyatakan dalam Fasal 3.2 selagi beliau memenuhi kriteria yang melayakkannya untuk pelan berkenaan.

- 3.18 Peserta yang Layak (termasuk semua pemegang akaun bersama yang lain, bagi Akaun Bersama) perlu menandatangani “Kempen PB Golden Fortune - Surat untuk Pengeluaran Awal (LEU)” sekiranya beliau ingin membuat pengeluaran awal daripada CASA yang diuntukkan di bawah Kempen ini.
- 3.19 Pelan yang disertai di bawah Kempen ini oleh Peserta yang Layak yang direkodkan oleh PBB adalah muktamad dan konklusif.

4. Hadiah

- 4.1 Peserta yang Layak (termasuk semua pemegang akaun bersama yang lain, bagi Akaun Bersama) perlu menandatangani “Kempen PB Golden Fortune - Surat untuk Menguntungkan/Indemniti (LEI)” bagi tujuan untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini dan layak untuk mendapat Hadiah.
- 4.2 Selepas syarat-syarat Kempen dipenuhi seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini, Peserta yang Layak layak untuk mendapat Hadiah.
- 4.3 Hadiah akan diberi berdasarkan siapa cepat dia dapat, sementara stok masih ada.
- 4.4 Hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dirundingi dan tidak boleh ditukar dengan tunai, kredit atau barang, sebahagiannya atau sepenuhnya. Hadiah yang ditawarkan dalam Kempen ini tidak termasuk apa-apa aksesori atau barang-barang yang ditunjukkan dalam mana-mana iklan dan/atau bahan promosi kerana ia hanyalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
- 4.5 PBB berhak atas budi bicara mutlaknya untuk menggantikan mana-mana Hadiah, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan Hadiah yang sama nilainya pada bila-bila masa dan/atau untuk menambah atau mengurangkan bilangan Hadiah.
- 4.6 Peserta yang Layak bertanggungjawab untuk membayar apa-apa cukai, kos sampingan dan/atau caj lain berkaitan dengan Hadiah berkenaan. PBB tidak boleh dipertanggungjawabkan bagi apa-apa cukai, kos sampingan, caj dan/atau kerosakan ke atas mana-mana Hadiah dan/atau kegagalan ejen/pembekal/pengedarnya untuk membekalkan Hadiah.

5. Pengambilan Hadiah

- 5.1 Peserta yang Layak hanya boleh mengambil Hadiahnya daripada cawangan yang berkenaan dari mana beliau mendaftar untuk pelan itu.
- 5.2 Pelan PB Golden / Pelan PB Fortune (di bawah UA):
 - a) Hadiah hanya boleh diambil selepas tempoh bertenang UA.

- b) Untuk mengambil Hadiah tersebut, Peserta yang Layak perlu membawa bersama dokumen yang berikut atau maklumat bagi pengesahan cawangan selepas tempoh bertenang UA itu dipenuhi:
 - i) KP asal
 - ii) No. Akaun UA
 - iii) No. Akaun CASA
- 5.3 Bagi Pelan PB Golden / Pelan PB Fortune (di bawah PBSL) dan bagi Pelan PB Golden / Pelan PB Fortune (di bawah PBE-i):
- a) Hadiah hanya boleh diambil selepas tempoh percubaan PBSL/ PBE-i.
 - b) Untuk mengambil Hadiah, Peserta yang Layak perlu membawa bersama-sama dokumen atau maklumat yang berikut untuk pengesahan cawangan apabila tempoh tengok percuma PBSL/PBE-i dipenuhi:
 - i) KP Asal
 - ii) No. Polisi PBSL / No. Sijil PBE-i
 - iii) (No. Akaun) CASA
- 5.4 Bagi UA dan PBSL/PBE-i, Hadiah mesti diambil oleh Peserta yang Layak dalam tempoh 30 hari kalendar selepas Peserta yang Layak dimaklumkan oleh PBB mengenai pengambilan Hadiah tersebut, jika tidak, Peserta yang Layak akan dianggap sebagai telah hilang kelayakan untuk mendapat Hadiah tersebut dan tidak lagi boleh membuat tuntutan untuk Hadiah berkenaan.
- 5.5 Bagi Pelan PB Golden/Pelan PB Fortune di bawah GIA, Hadiah boleh diambil oleh Peserta yang Layak sebaik sahaja beliau mendaftar untuk pelan tersebut di cawangan berkenaan.

6. Liabiliti dan Tanggungjawab

- 6.1 PBB TIDAK akan bertanggungjawab dalam apa juga cara, atas apa-apa kejadian yang diakibatkan oleh bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, sekat masuk kerja, tindakan perusahaan, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, apa juga gangguan teknikal atau sistem, campur tangan manusia tanpa kebenaran dan kesilapan elektronik atau manusia dalam pengendalian dan pemprosesan Kempen ini.
- 6.2 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, atas apa-apa kehilangan dan kerosakan atau apa juga sekalipun yang dialami oleh Peserta yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagian, berikutan penyertaan mereka dalam Kempen tersebut dan/atau Hadiah berkenaan.
- 6.3 PBB menolak apa-apa liabiliti, tanggungjawab atau kewajipan berkaitan dengan Hadiah. PBB tidak membuat representasi berkenaan dengan Hadiah tersebut

terutamanya terhadap kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk menggunakannya.

- 6.4 Apa-apa risiko kehilangan atau kerosakan kepada Hadiah tersebut akan berpindah kepada Peserta yang Layak selepas Hadiah tersebut dihantar kepada Peserta yang Layak. PBB tidak boleh dipertanggungjawabkan bagi atau berkewajipan untuk mengakui atau menggantikan mana-mana Hadiah yang mempunyai kecacatan, hilang, rosak atau dicuri.

7. Hak PBB

- 7.1 PBB mempunyai hak atas budi bicara mutlak untuk meminda, memotong dan/atau membuat penambahan kepada mana-mana Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan notis terlebih dahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar dalam laman web PBB atau menerusi kaedah komunikasi lain yang PBB anggap sesuai dan pindaan, potongan atau penambahan sedemikian hendaklah berkuat kuasa pada tarikh sebagaimana yang akan ditetapkan oleh PBB. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak dianggap bersetuju untuk mematuhi pindaan, pemotongan atau penambahan Terma dan Syarat berkenaan sebagaimana di atas.
- 7.2 Kelayakan Peserta yang Layak ke atas Hadiah adalah atas budi bicara PBB. Keputusan PBB berhubung dengan semua perkara berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat dan tiada surat-menyurat atau percubaan untuk mempertikaikan keputusan tersebut akan dilayani.
- 7.3 Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penundaan Kempen ini oleh PBB tidak memberi hak kepada Peserta yang Layak untuk membuat tuntutan atau meminta ganti rugi daripada PBB bagi mana-mana dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang Layak secara langsung atau tidak langsung berikutan perubahan dalam tempoh atau tarikh akhir atau tindakan pembatalan, penamatan atau penundaan tersebut.

8. Lain-lain

- 8.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak:-
 - a) bersetuju bahawa terma dan syarat ini akan diguna pakai bersama-sama dengan Peraturan-peraturan yang mengawal pembukaan dan pengendalian UA (bagi Dana Ekuiti, Berimbang dan Aset Bercampur Siri PB sahaja), PBSL, PBE-i, GIA dan CASA dengan PBB, yang sesalinannya telah diberi kepada Peserta yang Layak;
 - b) bersetuju dan mengakui bahawa beliau belum memohon untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini tetapi telah dikenal pasti oleh PBB sebagai Peserta yang Layak;

- c) bersetuju dan membenarkan maklumat berkenaan dengan UA (Dana Ekuiti, Berimbang dan Aset Bercampur Siri PB sahaja), PBSL, PBE-i, GIA dan CASA beliau boleh diproses, dikumpul, digunakan dan disimpan oleh PBB bagi tujuan Kempen ini; dan
 - d) akan dianggap sebagai telah membaca, memahami dan dengan ini secara nyata bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini dan bersetuju bahawa keputusan PBB adalah muktamad, mengikat dan konklusif dan bahawa tiada rayuan, surat-menyurat, pertanyaan atau bantahan akan dilayani.
- 8.2 Untuk meneliti Notis Kerahsiaan PBB mengenai bagaimana PBB menggunakan maklumat anda atau sekiranya anda ingin menerima maklumat mengenai produk dan perkhidmatan termasuk tawaran promosi dan bahan pemasaran Bank dan syarikat gabungannya, sila layari www.pbebank.com.my atau mana-mana cawangan PBB.

Halaman Selebihnya pada Muka surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong
